

BAHAYA PENYAKIT CINTA DUNIA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangannya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kehidupan manusia ibarat suatu pengembaraan yang panjang. Dunia merupakan tempat tinggal manusia yang sifatnya hanya sementara. Destinasi yang dituju sebenarnya adalah akhirat. Islam mengajar kita untuk menjadikan dunia sebagai jambatan menuju akhirat, bukan menjadikan dunia sebagai matlamat hidup yang hakiki.

Pelbagai perumpamaan diberikan kepada kehidupan di dunia kerana sifatnya yang sementara. Antaranya, ia diibaratkan sebagai tempat bermain-main dan bersenda gurau semata-mata. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-An'am ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ

أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan hanya main-main dan senda gurau belaka dan sungguh negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Maka tidakkah kamu memahaminya?*

Ayat ini mengingatkan kita agar tidak tertipu dengan dunia kerana segala yang ada di dunia tidak kekal dan akan binasa. Orang yang tamak mengejar kesenangan dunia atau dijangkiti penyakit cinta dunia sebenarnya sedang berada dalam permainan yang melalaikan. Tidak lama lagi permainan itu akan berakhir kerana dunia akan binasa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Isteri, anak-pinak, binatang ternak dan harta benda hanyalah sebahagian perhiasan dunia. Kita telah diingatkan oleh Allah Subhanahu wa Taala agar tidak tergolong dalam kalangan orang yang rugi kerana dilalaikan oleh dunia. Firman-Nya dalam Surah al-Munafiqun ayat 9:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ ءَمْوَالُكُمْ وَلَا ءَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ ۗ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الْخَٰسِرُونَ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Sesiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang yang rugi.*

Penyakit cinta dunia dan takut mati atau disebut oleh Nabi sebagai ‘al-wahn’ adalah punca umat Islam menjadi lemah. Akibatnya umat Islam akhir zaman ditentang oleh manusia dari seluruh pelusuk dunia bak semut menghurung makanan. Umat Islam akan menjadi lemah kerana asyik mengejar keduniaan sehingga mengabaikan akhirat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ أَحَبَّ دُنْيَاهُ أَضَرَ بِآخِرَتِهِ وَمَنْ أَحَبَّ آخِرَتَهُ أَضَرَ بِدُنْيَاهُ فَاتَّبِعُوا مَا يَبْقَى
عَلَى مَا يَفْنَى

Yang bermaksud: “*Siapa yang begitu gila dengan dunianya, maka itu akan memudaratkan akhiratnya. Dan siapa yang begitu cinta akhiratnya, maka itu akan mengurangi kecintaannya pada dunia. Dahulukanlah negeri yang akan kekal abadi (akhirat) daripada negeri yang akan fana (dunia).*”

Orang yang cinta dunia akan menyibukkan diri dengan kerja mengumpul kekayaan, membeli barang-barang mewah dan berjenama, berhibur sampai berlebihan, memperindah tempat tinggal, membeli kenderaan yang boleh dibanggakan dan makan makanan yang lazat-lazat. Mereka seolah-olah tidak sedar bahawa harta dunia hanyalah pinjaman.

Abdullah bin Mas’ud berkata, “*Dunia ini adalah tetamu dan harta itu adalah pinjaman. Setiap tetamu pasti akan pergi dan setiap pinjaman pasti harus dikembalikan.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Antara ciri orang yang terkena penyakit cinta dunia adalah malas beribadah dan jika beribadah dia melakukannya secara sepiantas kilat dan ingin cepat-cepat selesai. Orang yang cintakan dunia juga akan menjadi bakhil dan kikir. Dia khawatir jika bersedekah atau berinfak, hartanya akan berkurang. Dia juga suka berdusta kerana tidak takut dengan ancaman Allah Subhanahu wa Taala. Seterusnya orang yang berpenyakit cinta dunia suka berkhianat, mungkir janji, pengecut dan malu dengan kebenaran. Akhir sekali, orang begini tidak mahu melaksanakan amar makruf dan nahi munkar.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

الدُّنْيَا سِجْنُ الْمُؤْمِنِ وَجَنَّةُ الْكَافِرِ

Yang bermaksud: *Dunia adalah penjara bagi orang beriman dan syurga bagi orang kafir.*”

Orang yang beriman menjadikan dunia seakan-akan penjara. Ertinya, setiap mukmin yang memahami hakikat dunia akan membataskan dirinya daripada melakukan dosa di dunia meskipun dosa atau kejahatan itu kebiasaannya nampak menyeronokkan. Manakala, orang kafir melakukan apa sahaja yang seronok dan menyenangkan di dunia tanpa mengira dosa dan pahala. Sebab itulah dunia seolah-olah syurga bagi orang kafir. Hakikatnya mereka akan mati dan dicampakkan ke dalam neraka pada hari akhirat kelak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita bersama-sama kembali menginsafi diri dan menyedari hakikat bahawa dunia hanyalah pinjaman yang bersifat sementara. Jadikanlah dunia sebagai medan membuat bekalan secukupnya untuk kehidupan yang kekal abadi di alam akhirat nanti seterusnya terpilih memasuki syurga Allah Subhanahu wa Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

Yang bermaksud: Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah kehidupan yang sebenarnya, jika mereka mengetahui.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.